

09 JUL 1999

Mahathir-Universiti

MALAYSIA MULAKAN PERUBAHAN RADIKAL PENDIDIKAN

CYBERJAYA, 9 Julai (Bernama) -- Malaysia telah memulakan perubahan radikal kepada bidang pendidikannya agar memanfaatkan sepenuhnya kuasa teknologi dan modal intelektual untuk membawa pertumbuhan yang berterusan, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Beliau berkata proses itu telah dimulakan di peringkat akar umbi dengan pengenalan Sekolah Bestari yang merupakan antara aplikasi perdana Koridor Raya Multimedia (MSC).

"Kita kini harus memperluaskannya kepada pendidikan tinggi dengan MMU sebagai pelopor inisiatif kita," katanya pada perasmian Universiti Multimedia (MMU) di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata oleh itu pelaburan Malaysia di dalam MMU diperlukan bukan sahaja sebagai pemangkin perubahan di dalam sistem pendidikan tetapi juga untuk mewujudkan faedah ekonomi.

MMU yang dibina di atas kawasan seluas 80 hektar dengan harga RM350 juta, terletak di tengah-tengah Cyberjaya, satu daripada dua bandar pintar dalam projek MSC.

MSC ialah kawasan merangkumi 750 km persegi ke selatan Kuala Lumpur yang dikhaskan sebagai pusat bagi pembangunan prodek dan perkhidmatan multimedia. Dr Mahathir melancarkan Cyberjaya semalam.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, menteri Kabinet dan anggota Panel Penasihat Antarabangsa MSC (IAP) yang menghadiri mesyuarat tahunan ketiga IAP turut menyaksikan majlis perasmian itu.

Dr Mahathir berkata bagi menjadi masyarakat berilmu Malaysia perlu melakukan usaha untuk menghapuskan rintangan budaya dan masyarakat yang telah menjadi penghalang kepada pemikiran dan usaha inovatif di masa lampau.

"Hanya selepas itu baharu kita berupaya mengembangkan modal intelektual dan mencapai kelebihan daya persaingan yang diperlukan untuk bersaing pada alaf baru."

Beliau berkata inovatif semata-mata tidak mencukupi kerana perlu juga ada usaha bagi menghasilkan individu yang berupaya mempengaruhi modal intelektual agar dapat bergerak dari tahap konsep kepada pengetahuan yang jelas dan pengeluaran produk dan perkhidmatan untuk generasi akan datang.

Dr Mahathir berkata MMU bukan seperti universiti yang lazim kerana ia akan menjadi nadi budaya dan pusat intelektual bagi masyarakat berilmu yang akan diwujudkan di dalam lingkungan masyarakat Cyberjaya.

Dr Mahathir berkata beliau yakin MMU yang dibina pada asas yang kukuh akan dapat berada di barisan hadapan di dalam usaha Malaysia membangunkan sebuah masyarakat yang berpengetahuan.

Memandangkan ia adalah satu-satunya universiti seumpamanya, laluannya merupakan jalan yang mudah ke arah membangunkan sebuah institusi bertaraf dunia yang dapat memenuhi keperluan Era Digital baru yang sentiasa berubah.

"Saya gembira kerana MMU sudah menjalin usahasama dengan lebih 60 buah syarikat yang mempunyai kelebihan daripada segi teknologi, termasuk NTT, Alcatel dan Lucent Technologies," katanya.

Dr Mahathir berkata MMU direka bentuk untuk melahirkan idea dan usahawan teknologi -- sama seperti peranan yang dimainkan oleh Universiti Stanford di dalam menjayakan Lembah Silicon.

Pembukaannya menandakan kesediaan dan kebolehan MSC untuk menjana para pekerja berpengetahuan tinggi yang diperlukan bagi syarikat-syarikat yang

berstatus MSC.

Beliau berharap MMU pada suatu hari nanti akan menjadi sebuah pusat pengetahuan yang terkemuka bagi Era Digital.

Malaysia menggalakkan institusi yang menggunakan bahasa asing sebagai bahasa perantara untuk membuka pusat di universiti itu, katanya.

Kumpulan perintis MMU terdiri daripada 600 pelajar di dalam program tahap "Alpha" dan 2,800 pelajar di tahap "Beta". Ia disasarkan mempunyai kira-kira 6,000 pelajar pada tahun 2002.

Para pelajar itu menuntut dalam pelbagai jurusan termasuk kejuruteraan, telekomunikasi, teknologi maklumat dan pengurusan.

-- BERNAMA

TM AKD